**ALOR SETAR** - Kedah mengumumkan bantuan khas sebanyak RM2,000 kepada penjawat awam di negeri itu sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan dan sumbangan mereka.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, bantuan khas kewangan itu akan dinikmati oleh 5,376 penjawat awam melibatkan peruntukan sebanyak RM12 juta.

Menurutnya, pembayaran bantuan khas kewangan itu akan dibuat sebahagiannya pada Mac dan bakinya pada Jun tahun depan.

"Bonus kali ini sama seperti tahun lalu. Kita bayar kali pertama sempena hari raya dan kali kedua pada Jun," katanya semasa sidang akhbar selepas membentangkan Belanjawan Kedah 2025 pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Darul Aman di sini pada Ahad.

Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri turut bersetuju supaya Sistem Saraan Malaysia (SSM) digantikan kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024.

"Selaras dengan pengumuman itu, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM30 juta tambahan secara keseluruhan kepada semua jabatan untuk tujuan pembayaran gaji semua penjawat awam negeri yang menerima opsyen SSPA bermula Disember.

"Sukacita saya umumkan kenaikan tersebut akan dibayar mulai gaji Disember ini," katanya.

Menurutnya, kenaikan keseluruhan melibatkan RM2 juta untuk tahun ini.

SINAR HARIAN
Tarikh: 25 NOV 2024

# Tiada ruang untuk penjawat awam malas

Sinar 25/11

## Ketua Setiausaha Negara seru tingkat mutu kerja selaras pengenalan SSPA




**Shamsul Azri (tujuh dari kiri) ketika Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 yang berlangsung dari Sabtu hingga Ahad.**

KUALA LUMPUR

Warga perkhidmatan awam diseru supaya meningkatkan mutu kerja, komitmen dan dedikasi selaras pengenalan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, era baharu perkhidmatan awam ditelusuri dan diperteguh SSPA yang memberi tumpuan kepada kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam.

Katanya, SSPA turut bertujuan mencetus lonjakan motivasi dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

"Dengan sistem gaji progresif di bawah SSPA, produktiviti mesti ditingkatkan. Tiada ruang untuk penjawat awam yang malas, culas dan cuai serta tiada lagi alasan untuk berada di takuk lama, tanpa inovasi, perubahan dan pembaharuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di sini pada Ahad.

Mengimbas kembali tempoh 100 hari pertama sebagai KSN, Shamsul Azri berkata, langkah-langkah penting telah dilaksanakan untuk meletakkan asas kukuh dalam reformasi perkhidmatan awam.

"Pendekatan *Associated* (saling berkaitan) dan *Integrated* (bersepadu) yang menekankan kerjasama keseluruhan *whole-of-government* (keseluruhan kerajaan) dan *whole-of-nation* (keseluruhan negara) telah menyatukan usaha semua pihak, sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani. Pendekatan ini telah diterapkan secara berkesan sepanjang konvensyen ini," katanya.

Shamsul Azri berkata, pendekatan *Associated* menekankan penyertaan menyeluruh semua pihak (*whole-of-nation*) manakala pendekatan *Integrated* menekankan penyelarasan bersepadu (*whole-of-government*) antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Gabungan ini memastikan setiap suara didengari dan dijadikan asas untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan.

"Simbolik kepada pendekatan ini ialah pemeteraian Deklarasi Kuala Lumpur: Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Malaysia, yang melambangkan komitmen kukuh untuk melaksanakan reformasi secara menyeluruh dari peringkat tertinggi hingga ke akar umbi pentadbiran negeri," katanya.

Shamsul Azri dilantik sebagai KSN pada 12 Ogos lepas menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali yang bersara wajib. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 25 NOV 2024

Kosmo 25/11

Sebanyak 11 PPS dibuka melibatkan 176 mangsa

# Banjir kembali landa lima negeri

**PETALING JAYA** – Pasukan keselamatan membuka 11 pusat pemindahan sementara (PPS) di lima negeri melibatkan 176 mangsa daripada 46 keluarga yang terjejas akibat banjir setakat pukul 5 petang semalam.

PPS dibuka di negeri-negeri terlibat termasuk Melaka (3), Terengganu (4), Kelantan (2), Johor (1) dan Selangor (1).

Laman web Info Bencana JKM melaporkan, sebanyak 66 mangsa daripada 17 keluarga di Terengganu, Kelantan (76, 19), Johor (28, 8), Selangor (6, 2) manakala Melaka tidak melibatkan mangsa berpindah ke PPS.

"Melaka melibatkan daerah Melaka Tengah, Marang di Terengganu, Kuala Langat di Selangor, Pasir Mas dan Bachok di Kelantan serta Segamat di Johor.

"Pecahan mangsa mengikut kategori pula ialah lelaki dewasa (55), wanita dewasa (55), kanak-kanak lelaki (35), kanak-kanak perempuan (24), bayi lelaki (5) dan bayi perempuan (2)," kata laman web tersebut.

Sementara itu di **Rantau Panjang**, beberapa penduduk di daerah ini berpindah ke PPS secara sukarela selepas melihat kawasan mereka dinaiki air susulan hujan tidak berhenti sejak malam semalam.

Nurul Atikah Rashid, 24, berkata, dia dan ahli keluarganya berpindah ke PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh dari Kampung Bendang Perol di sini pada pukul 11 malam apabila kawasan kampung dinaiki air ekoran Sungai Golok melimpah.

Katanya, mereka bimbang akan terperangkap di dalam rumah jika hujan lebat.

"Air setinggi 0.4 meter sudah masuk ke dalam rumah kami pada malam tadi (semalam). Jika tunggu sehingga pagi, mungkin kami tidak dapat keluar ke PPS.

"Kami perlu berjalan kaki meredah air separas pinggang sejauh 600 meter untuk je jalan utama," katanya.

Seorang lagi mangsa banjir, Noriah Setapa, 51, berkata, dia bersama ahli keluarga bergilir-gilir menolak bot yang dinaiki oleh ibunya, Mek Yam Ahamad, 82, ketika meredah banjir.

"Ibu perlu berada di dalam bot kerana dia mengalami sakit lutut dan tidak dapat berjalan jauh. Apabila sampai ke jalan utama dia dibawa ke PPS SK Gual To' Deh dengan motosikal.

"Kesemua tujuh buah keluarga terdiri daripada 32 orang merupakan saudara mara saya. Kami merupakan kumpulan terawal pindah setiap kali banjir di Rantau Panjang," ujarnya.





ATAS: Kanak-kanak bermain air banjir di Kampung Rawai, Marang semalam.

KANAN: Nurul Atikah (kiri) berlindung di PPS SK Gual To'Deh, Rantau Panjang.

**Info banjir**

- **Melaka**
  PPS: 3
  Daerah Terlibat: 1
  Mangsa: 0
  Keluarga: 0
- **Terengganu**
  PPS: 4
  Daerah Terlibat: 2
  Mangsa: 66
  Keluarga: 17
- **Kelantan**
  PPS: 2
  Daerah Terlibat: 2
  Mangsa: 76
  Keluarga: 19
- **Johor**
  PPS Buka: 1
  Daerah Terlibat: 1
  Mangsa: 28
  Keluarga: 8
- **Selangor**
  PPS Buka: 1
  Daerah Terlibat: 1
  Mangsa: 6
  Keluarga: 2

KOSMO
Tarikh: 25 NOV 2024

HM 25/11

# Penjawat awam Kedah dapat RM2,000 seorang

**Alor Setar:** Semua penjawat awam di negeri ini bakal menerima Bantuan Khas Kewangan RM2,000 seorang, tahun depan.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, pembayaran dibuat pada Mac dan Jun 2025 sebagai menghargai sumbangan penjawat awam selaku jentera pentadbiran negeri.

"Jumlah keseluruhan peruntukan adalah RM12 juta membabitkan 5,076 penjawat awam negeri," katanya ketika membentangkan Belanjawan Kedah 2025 pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Selain itu, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri turut bersetuju Sistem Saraan Malaysia (SSM) digantikan kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024.

Katanya, justeru kerajaan negeri memperuntukkan RM30 juta sebagai tambahan kepada semua jabatan untuk pembayaran gaji penjawat awam negeri yang menerima opsyen SSPA.

"Dengan itu, sukacita saya umumkan kenaikan tersebut dibayar mulai gaji Disember 2024. Kenaikan keseluruhan berjumlah RM2 juta untuk 2024," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 25 NOV 2024

Papan tanda dwibahasa

# Penguatkuasaan DBKL didakwa resahkan pelawat

## Menteri khuatir tindakan bakal jejas Tahun Melawat Malaysia 2026

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penguatkuasaan peraturan papan tanda dwibahasa oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencetuskan tindak balas melampaui batas, menimbulkan rasa tidak puas hati dan mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan pelancong.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing, berkata tindakan itu menyebabkan pelancong mempersoalkan keterbukaan dan keterangkuman Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum.

"Beberapa pelawat antarabangsa bertanya secara langsung kepada saya, adakah Malaysia sebuah negara yang rasis atau ekstrem agama?

"Keraguan ini secara langsung mempengaruhi keputusan pelancong untuk melawat Malaysia dan membantutkan daya saing negara di persada global.

"Realitinya, kita adalah negara berbilang kaum, budaya dan agama. Kita tidak boleh mencipta imej negatif palsu yang bercanggah dengan realiti ini," katanya menerusi kenyataan di Facebook beliau, semalam.



Tiong King Sing

Khamis lalu, media melaporkan DBKL melancarkan operasi berskala besar menyasarkan papan tanda yang tidak memaparkan bahasa Melayu di beberapa kawasan, termasuk Segambut, Pudu dan Jalan Silang di Kuala Lumpur.

Operasi itu membabitkan pasukan penguatkuasaan dan pelesenan DBKL, bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta pihak polis.

Sehubungan itu, King Sing menggesa DBKL memberi tumpuan kepada inisiatif yang benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat daripada mencetuskan kontroversi melalui penguatkuasaan yang melampau.

### Tambah baik infrastruktur

"Saya mencadangkan DBKL bekerjasama dengan kempen Tahun Melawat Malaysia untuk menambah baik infrastruktur asas bandar raya dan mewujudkan lebih banyak tarikan untuk pelancong, menawarkan mereka pengalaman baru dan menarik untuk diterokai di Kuala Lumpur.

"Daripada menampakkan imej autoritarian dan terkebelakang, DBKL seharusnya menjiwai semangat ketamadunan dan keterbukaan ibu kota," katanya.

Langkah itu. katanya, wajar dilakukan memandangkan tahun depan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN, dengan pelbagai penganjuran acara akan diadakan di ibu negara, selain kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Ini memberikan peluang keemasan untuk mempamerkan kepelbagaian dan keterangkuman Malaysia di pentas global.

"Saya beri amaran bahawa kontroversi perkauman atau agama yang berterusan akan menghakis kepercayaan dan kerjasama antarabangsa, berpotensi memberi impak negatif terhadap kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 pula berfungsi sebagai platform penting untuk menyerlahkan identiti berbilang budaya Malaysia.

"Inisiatif seperti papan tanda berbilang bahasa bukan saja mencerminkan sikap mesra terhadap pelancong antarabangsa tetapi juga membentuk elemen teras daya tarikan budaya Malaysia.

"Dengan menerima dan mempromosikan kepelbagaian ini, Malaysia boleh mengubah warisan pelbagai budaya kepada kelebihan ekonomi yang menyumbang kepada pertumbuhan negara," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....25 NOV 2024.....

# Tiada ruang penjawat awam jadi malas, culas




*Shamsul Azri (tengah) bersama Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Hakim Syarie, Datuk Mohd Amran Mat Zain menunjukkan buku 100 Hari Shamsul Azri Reformasi Perkhidmatan Awam ketika pelancaran buku itu pada majlis penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

## KSN mahu kualiti kerja terus ditingkat seiring pengenalan SSPA bulan depan


Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Semua penjawat awam perlu meningkatkan kualiti kerja seiring dengan pengenalan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan bermula 1 Disember ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata dalam SSPA, tidak ada lagi ruang untuk sesiapa sahaja menjadi malas, culas atau cuai.

Beliau berkata, sektor awam kini perlu berubah dengan penambahbaikan berbanding berada pada takuk lama.

Beliau berkata, peningkatan mutu kerja itu perlu seiring dengan pertambahan komitmen terhadap perkhidmatan kepada rakyat.

Selain memberi tumpuan kepada kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam, beliau berkata, SSPA juga bertujuan mencetus lonjakan motivasi dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

"Era baharu perkhidmatan awam ditelusuri dan diperteguhkan dengan pengenalan SSPA yang perlu disertakan dengan peningkatan mutu kerja, komitmen dan dedikasi penjawat awam.

"Dengan sistem gaji progresif di bawah SSPA, produktiviti mesti ditingkatkan. Tiada ruang untuk penjawat awam yang malas, culas dan cuai dan tiada lagi alasan untuk berada di takuk yang lama, tanpa inovasi, perubahan dan pembaharuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian penutup Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT) dalam SSPA.

Pelarasan gaji akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan pada 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

### Lancar dua pekeliling

Sementara itu, dua pekeliling iaitu Pekeliling Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) dan Pekeliling Ujikaji Peraturan dilancarkan konvensyen yang menutup tirainya semalam.

Ia sebagai bukti dan komitmen perkhidmatan untuk perubahan sekali gus menerusi agenda reformasi itu, Malaysia berupaya membawa kembali negara sebagai jolokan 'Harimau Asia'.

Katanya, RKB adalah panduan kepada semua agensi awam untuk mempercepatkan pelaksanaan reformasi kerenah birokrasi bagi memastikan pentadbiran yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar terhadap rakyat serta perniagaan.

"Pekeliling Ujikaji Peraturan pula memberikan panduan kepada pengawal selia untuk menguji pendekatan baharu terhadap peraturan sedia ada, agar lebih inovatif, berkualiti tinggi, dan relevan dengan keperluan semasa dalam menangani cabaran semasa yang kompleks," katanya.

Tahun ini, Shamsul Azri berkata, sebanyak 200 projek RKB sudah dan sedang dilaksanakan.

Untuk memastikan impak yang lebih besar dan menyeluruh, beliau menyasarkan sebanyak 500 projek RKB untuk dilaksanakan tahun depan.

Berhubung dapatan konvensyen dua hari itu, Shamsul Azri meminta Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) selaku penganjur untuk mengeluarkan dokumen hasil.

"Konvensyen kita pada dua hari ini dan deklarasi yang ditandatangani oleh saya dan semua Setiausaha Kerajaan (SUK) semalam (kelmarin) hanyalah sebuah permulaan awal untuk kita melangkah ke hadapan dalam pelaksanaan agenda reformasi perkhidmatan awam.

"Kita akan terus mewacanakan reformasi menerusi konvensyen seterusnya yang lebih khusus dan berfokus kepada setiap lima teras reformasi ini iaitu nilai dan tatakelola, modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan serta sinergi awam swasta," katanya.


BERITA HARIAN
Tarikh 25 NOV 2024

# Pemerkasaan sistem digital pacu produktiviti penjawat awam




Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Pengurusan Teknologi Pengeluaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia


**Kerajaan** Johor dilaporkan sedang meneliti cadangan untuk mengubah waktu bekerja sektor awam kepada empat hari setengah seminggu, berikutan perubahan cuti hujung minggu kepada Sabtu dan Ahad bermula 1 Januari 2025.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, mengumumkan kerajaan negeri sedang menimbang melaksanakan sistem kerja berkenaan bagi meningkatkan kesejahteraan penjawat awam dan menambah baik produktiviti sektor awam.

Salah satu elemen utama wajar diberi perhatian mengenai syor kerja empat hari setengah adalah penambahbaikan dalam perkhidmatan awam. Ia perlu menyokong produktiviti tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan diterima rakyat.

Oleh itu, kerajaan negeri perlu memastikan meskipun hari bekerja dipendekkan, perkhidmatan diberikan tetap efisien dan berkualiti tinggi. Salah satu langkah boleh diambil adalah dengan memperkasa perkhidmatan digital.

Dalam konteks ini, Johor perlu memastikan lebih banyak urusan kerajaan dilakukan secara dalam talian, seperti pembayaran cukai, pendaftaran perkhidmatan dan permohonan lesen.

Ini tidak hanya akan memudahkan rakyat, tetapi mengurangkan keperluan berinteraksi secara fizikal memakan masa, sekali gus meningkatkan produktiviti.

Kerajaan negeri juga perlu mengkaji dan merancang semula struktur kerja dalam perkhidmatan supaya penjawat awam dapat menyesuaikan diri dengan sistem baharu dicadangkan ini.

Ia termasuk menyediakan latihan berterusan yang akan membantu penjawat awam meningkatkan kemahiran dan kecekapan melaksanakan tugas merangkumi kemahiran teknologi, pengurusan masa dan penggunaan sistem digital terkini.

Bagi memastikan pelaksanaan sistem kerja empat hari setengah tidak mengganggu perkhidmatan kepada rakyat, kerajaan perlu memanjangkan waktu operasi kaunter bagi perkhidmatan kritikal.

Sebagai contoh, perkhidmatan berkaitan pembayaran bil, pendaftaran perkhidmatan kerajaan dan permohonan dokumen penting harus diurus dengan lebih fleksibel.

Oleh itu, penyeragaman waktu operasi kaunter di semua jabatan dan agensi, di peringkat kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan, mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT), harus dipertimbangkan.

Meskipun penambahbaikan waktu bekerja adalah salah satu langkah progresif, ia juga harus diimbangi dengan pengurusan sumber manusia cekap dan berkesan.

## Ubah kebiasaan sistem tradisional

Kerajaan perlu memastikan walaupun waktu kerja dipendekkan, penjawat awam tidak dibebani kerja berlebihan dan mereka dapat menguruskan masa serta dan sumber dengan lebih efektif.

Salah satu cabaran utama yang perlu ditangani adalah mengubah kebiasaan penjawat awam bekerja dalam sistem tradisional. Bagi mereka, penyesuaian kepada kerja empat hari setengah mungkin memerlukan perubahan besar dalam cara mereka berfikir dan bekerja.

Maka, kerajaan perlu menyediakan sokongan psikologi dan sistem sokongan bagi membantu penjawat awam mengadaptasi perubahan ini.

Sistem kerja empat hari setengah bukan sahaja memberi manfaat dari segi peningkatan produktiviti, tetapi juga memberikan peluang kepada pekerja untuk lebih seimbang antara kehidupan kerja dan peribadi mereka.

Dengan masa tambahan yang lebih pada hujung minggu, penjawat awam dapat meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga, berehat atau terbabit dalam aktiviti lain yang dapat menyegarkan minda mereka.

Ini boleh meningkatkan tahap motivasi dan kepuasan kerja, yang pada akhirnya akan memberi impak positif terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat, lebih bersemangat dan komited dalam pekerjaan mereka.

Namun, pelaksanaan sistem ini tidak terlepas daripada cabaran antaranya risiko pekerja mungkin mengambil kesempatan waktu kerja lebih singkat untuk melakukan perkara peribadi boleh menjejaskan produktiviti.

Oleh itu, pemantauan prestasi dan hasil kerja perlu diperketatkan untuk memastikan penjawat awam tetap memberikan perkhidmatan terbaik. Kerajaan perlu mengambil pendekatan inklusif dengan membabitkan semua lapisan penjawat awam dalam proses perancangan dan pelaksanaan.

Pelaksanaan sistem kerja empat hari memerlukan pendekatan holistik dan berfokus. Sokongan psikologi dan kesejahteraan penjawat awam perlu diberi perhatian supaya jika perubahan ini dilaksanakan, ia bukan sahaja meningkatkan produktiviti sektor awam tetapi memperbaiki kualiti hidup penjawat awam dan memberikan manfaat kepada rakyat.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**


BERITA HARIAN 25 NOV 2024
Tarikh.............................

# Sokongan Kabinet, penjawat awam dan kestabilan politik pacu kelangsungan Kerajaan Perpaduan

**Kerajaan** Perpaduan yang turut sinonim dengan Kerajaan MADANI kini berusia dua tahun dan ia satu pakatan unik kerana dibentuk hasil kerjasama pelbagai parti berlainan ideologi.

Kerajaan Perpaduan tertubuh pada 24 November 2022 selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di Istana Negara apabila gabungan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan parti lain memperoleh majoriti melebihi 112 kerusi Parlimen.

Kewujudan Kerajaan Perpaduan juga adalah kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ketika itu melaksanakan tugas baginda sebagaimana peruntukan Perlembagaan bagi memastikan proses perlantikan Perdana Menteri dilakukan secara adil dan mengambil kira pendirian semua pihak terbabit.

Walaupun dibayangi dengan pelbagai percanggahan pendirian dan tekanan, ia membuktikan politik tanah air sangat lentur dan mudah beradaptasi dengan pembaharuan tanpa campur tangan secara langsung institusi istana.

Jika mengikut tempoh matang Dewan Rakyat bagi Parlimen penggal ke-15 ini, mandat Kerajaan Perpaduan ini berakhir pada 19 Disember 2027, mengambil tarikh hari pertama Parlimen bersidang pada 19 Disember 2022, tempoh pemerintahan berbaki sekitar tiga tahun lagi.

Jika diukur dari sudut kedewasaan, usia dua tahun Kerajaan Perpaduan adalah masih dalam fasa awal, yang mana perancangan dan dasar asas biasanya baru dilancarkan. Ini termasuk pelaksanaan reformasi institusi, pentadbiran, ekonomi dan sosial yang lazimnya memerlukan masa lebih panjang untuk melihat hasilnya secara konkrit.

Kerajaan juga masih berdepan rintangan nyata dan tidak nyata seperti ketidakstabilan politik, tekanan ekonomi global dan keperluan untuk memenuhi harapan rakyat. Rakyat mengharapkan langkah konsisten ke arah membina negara lebih inklusif, berintegriti dan maju.

Walaupun perjalanan kerajaan ini masih jauh, keupayaannya untuk mengemudi pelbagai cabaran tetap bergantung pada kestabilan, kerjasama pelbagai pihak dan kemampuan menterjemahkan visi kepada realiti.

Bermakna, Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan memerlukan pengukuhan institusi bagi memastikan sistem pentadbiran dan undang-undang berfungsi secara efisien. Ia termasuk pembangunan sosial dan ekonomi iaitu fokus kepada pendidikan, teknologi dan peluang pekerjaan serta kesepaduan nasional terutama mengukuhkan perpaduan rakyat dalam kerangka keadilan sosial.

Jika kerajaan mampu terus berinovasi dan bertindak responsif terhadap isu semasa, visi madani boleh menjadi realiti lebih dekat walaupun perjalanannya panjang. Kerajaan Perpaduan masih memikul harapan besar untuk kestabilan politik dan pembangunan negara.

Walaupun perjalanan ini tidak mudah, jika dilaksanakan dengan baik, ia boleh menjadi asas kepada masa depan Malaysia lebih bersatu dan progresif. Dalam hal ini, Perdana Menteri sudah pasti tidak boleh bergerak sendirian, sebaliknya memerlukan kesepaduan pasukan Kabinetnya dan kira-kira 1.5 juta kakitangan awam untuk mencapai visi Malaysia MADANI.

BERITA HARIAN
Tarikh 25 NOV 2024

# ‘Agensi penguat kuasa di sempadan perlu tegas’

**Kuala Lumpur:** Agensi penguat kuasa undang-undang di sempadan perlu berani dan tegas melaksanakan pengawalan dengan lebih cekap dan teratur tanpa kompromi.

Pengerusi Suruhanjaya Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Tan Sri Dr Ismail Bakar, berkata berdasarkan masalah yang berlaku, mungkin keutamaan pada masa ini ialah membina tembok di sempadan di Sungai Golok.

"Kita melihat isu di sempadan ini (Sungai Golok-Rantau Panjang) adalah isu tradisional. Memang sudah lama kerana ia sudah wujud sebelum merdeka lagi, terutama mengenai kemudahan yang ada di sempadan.

"Seingat saya sejak 1980-an lagi kita sudah memikirkan keperluan untuk membuat tembok di kawasan sempadan. Tetapi disebabkan oleh kos yang tinggi dan mungkin perkara ini agak sukar untuk dilaksanakan serentak. Mungkin keutamaan kita kena buat (bina tembok).

"Tetapi pada masa sama kita (kerajaan) meningkatkan peruntukan kepada agensi penguat kuasa dan sebagainya, perkara ini hendaklah dibuat selaras dengan keperluan semasa," katanya kepada *BH* ketika ditemui pada sambutan Program 2 Tahun Kerajaan MADANI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Beliau mengulas isu dilaporkan *BH* hampir 500 murid dan pelajar sekolah menggunakan pangkalan haram dari wilayah Thailand itu ke Rantau Panjang, Kelantan setiap hari.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, EAIC menemui banyak kes baharu bukan sahaja membabitkan isu integriti seperti rasuah, tetapi juga penyalahgunaan kuasa, sepanjang dua tahun pentadbiran Kerajaan MADANI.



*Ismail Bakar*

Katanya, ia berdasarkan langkah tegas dan agresif dilakukan pihaknya seiring dengan ketegasan pentadbiran kerajaan sekarang yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menerusi tindakan itu, beliau akui ia sememangnya memberi kesan ketara apabila kes integriti direkodkan pihaknya menunjukkan peningkatan.

Beliau berkata demikian mengulas trend kes rasuah sepanjang dua tahun pentadbiran Kerajaan MADANI.

"Pada pendapat saya tidak boleh mengatakan kes rasuah atau kes integriti meningkat. Tapi mungkin disebabkan sekarang ini kita agresif untuk menangani isu rasuah seperti mana yang dijanjikan oleh kerajaan bahawa kita akan menghapuskan rasuah di seluruh peringkat.

Beliau juga mengesahkan 10 pegawai Jabatan Imigresen dipanggil berhubung siasatan skandal visa perubatan untuk membawa masuk warga asing.

Bagaimanapun beliau tidak dapat mengulas lanjut kerana bimbang ia boleh menjejaskan siasatan yang dijalankan.

"Saya tak boleh ulas dulu kerana masih dalam siasatan. Jadi kita tunggu siasatan kerana (bimbang) jejaskan siasatan kami.

"Ya, menjurus kes berkenaan (visa perubatan untuk membawa masuk warga asing)," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan memanggil lebih ramai pegawai dan anggota jabatan berkenaan dari semasa ke semasa.

Kelmarin, seorang penolong pengarah antara 10 pegawai Imigresen dipanggil EAIC berhubung skandal visa perubatan untuk membawa masuk warga asing.

BERITA HARIAN
Tarikh 25 NOV 2024

# Kedah sedia RM30 juta untuk SSPA, umum bonus RM2,000

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kerajaan Kedah memperuntukkan RM30 juta sebagai tambahan untuk pembayaran gaji semua penjawat awam negeri yang menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, kenaikan itu akan dibayar mulai gaji Disember ini yang melibatkan keseluruhan peruntukan berjumlah RM2 juta.

"Kerajaan bersetuju supaya Sistem Saraan Malaysia (SSM) digantikan kepada SSPA berkuatkuasa 1 Disember ini. Selaras dengan pengumuman itu, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM30 juta tambahan secara keseluruhan kepada semua jabatan," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2025 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman, di sini semalam.

Sementara itu, Muhammad Sanusi turut mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM2,000 seorang kepada 5,376 penjawat awam negeri itu.

Beliau berkata, pembayaran itu akan dibuat pada Mac tahun hadapan bersempena Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya pada Jun tahun sama.

Katanya, pemberian BKK itu bagi hargai usaha dan sumbangan penjawat awam negeri serta jentera pentadbiran.

"Jumlah keseluruhan peruntukan bagi maksud itu adalah RM12 juta," katanya.

Jumlah BKK tersebut adalah sama dengan tahun ini iaitu RM2,000 seorang yang dibayar kepada 5,600 penjawat awam negeri ketika itu.

Sementara itu, Muhammad Sanusi berkata, polisi menyekat aktiviti perlombongan di kawasan hutan simpan kekal (HSK) perlu dihapuskan jika negara berhasrat meneroka unsur nadir bumi (REE) yang berpotensi menjadi sumber kekayaan baharu.

Menurut beliau, selagi polisi tersebut berkuat kuasa, prosedur operasi standard (SOP) berkaitan perlombongan mineral itu tidak akan dapat digubal.

Katanya, ketiadaan SOP yang seterusnya menghalang pengeluaran lesen melombong (ML) itu amat merugikan kerana bahan itu mendapat permintaan tinggi khususnya dalam pembuatan bateri untuk kenderaan elektrik (EV).

"Saya sudah cadang dalam mesyuarat Majlis Mineral Negara tahun lalu supaya dihapuskan sahaja polisi nombor 12 iaitu tidak menyokong sebarang usaha perlombongan dalam HSK, ini kerana kebanyakan galian mineral itu ada dalam hutan simpan.

"Bila permohonan menjelajah (REE) selesai, kita tidak boleh nak keluarkan lesen perlombongan kerana perlu dilakukan kajian impak alam sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlebih dahulu.

"EIA pula sudah tentu tidak akan lulus kerana polisi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam adalah tidak menyokong sebarang perlombongan dalam hutan simpan, maka kita terpaksa tunggu langkah mereka untuk menyegerakan proses ini," katanya.

UM 25/11

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 25 NOV 2024

# Insurans perubatan bukan alasan caj pesakit berlebihan

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafizyusoff@mediamulia.com.my

UM 25/11

**PETALING JAYA:** Sama ada seseorang itu mempunyai insurans perubatan atau tidak, semua caj yang dikenakan untuk pesakit di hospital swasta adalah sama rata.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, caj dikenakan mengikut tahap perkhidmatan yang diterima pesakit.

Justeru, beliau menafikan dakwaan kononnya golongan yang mempunyai insurans akan dicaj tinggi berbanding mereka yang tiada kemudahaan tersebut.

"Pertanyaan (di kaunter hospital swasta) tentang cara bayaran yang akan dibuat pesakit adalah disebabkan urusan pentadbiran hospital dan bukan untuk mengenakan caj yang tinggi.

"Kita tidak mahu nanti ada perkara berbangkit pula sebaik pesakit diminta membuat bayaran. Contohnya mempersoalkan bayaran (sendiri) sedangkan dia mempunyai insurans atau kad perubatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.



KULJIT SINGH

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, pihaknya akan memulakan inisiatif mengumpul maklumat atau aduan orang ramai mengenai caj hospital swasta dan insurans perubatan yang melambung tinggi.

Beliau dan ahli parlimen PKR yang lain meneliti segala aduan yang diterima untuk tindakan seterusnya dan memberi cadangan penyelesaian kepada kerajaan.

> **"Pertanyaan (di kaunter hospital swasta) tentang cara bayaran yang akan dibuat pesakit adalah disebabkan urusan pentadbiran hospital dan bukan untuk mengenakan caj yang tinggi."**
>
> DR. KULJIT SINGH

Tze Tzin dalam masa yang sama turut mempertikaikan kaedah pembayaran untuk pesakit yang akan dikenakan kadar caj dengan bersandarkan sama ada mempunyai insurans atau tidak.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia, Fuziah Salleh berkata, pengamal dan institusi perubatan swasta perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) termasuk caj perkhidmatan terhadap pesakit.

Beliau berkata, kadar caj perkhidmatan perubatan dikawal selia di bawah Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 yang dibuat di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

Justeru tegasnya, institusi perubatan swasta tidak boleh mengenakan caj kepada pesakit secara sesuka hati.

"Jika tidak berpuas hati, aduan boleh dikemukakan ke Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 25 NOV 2024

# Pemberi maklumat: Siapa yang layak dilindungi dan apa prosedurnya?

um 25/11

ZAINUL DARUS




**PEMBERI** maklumat memainkan peranan penting dalam mendedahkan salah laku dan memastikan integriti institusi terus terjaga.

KEBELAKANGAN ini, isu pemberi maklumat telah menjadi topik tumpuan umum, khususnya dalam konteks membanteras rasuah. Malangnya, terdapat salah faham yang meluas dalam kalangan masyarakat mengenai siapa yang layak dilindungi dan prosedur yang perlu diikuti.

Ada yang berpendapat sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat mengenai salah laku boleh memohon perlindungan sebagai pemberi maklumat, tetapi hakikatnya tidak semudah itu.

Negara kita mempunyai undang-undang khusus untuk melindungi pemberi maklumat daripada tindakan balas yang tidak wajar, iaitu melalui Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistleblower Protection Act 2010*).

Namun, perlindungan ini tertakluk kepada syarat dan prosedur tertentu untuk memastikan keberkesanannya serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan.

Salah faham yang sering timbul ialah kepercayaan bahawa pemberi maklumat boleh mendedahkan maklumat secara umum, contohnya kepada media atau media sosial sebelum memohon perlindungan. Ini adalah tanggapan yang salah.

Mengikut undang-undang, maklumat mengenai salah laku mesti dilaporkan kepada agensi penguatkuasa terlebih dahulu. Jika seseorang mendedahkan maklumat kepada umum sebelum membuat laporan rasmi, ia mungkin menjejaskan identiti dirinya sendiri serta kesahihan maklumat yang didedahkan.

Selain itu, terdapat risiko maklumat tersebut belum disahkan atau boleh disalah tafsir, yang akhirnya boleh merosakkan kredibiliti kes tersebut. Dalam situasi seperti ini, agensi penguatkuasa tidak dapat memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang telah "mendedahkan" dirinya sendiri sebelum membuat laporan formal.

**KRITERIA PERLINDUNGAN**

Bagi mendapatkan perlindungan pemberi maklumat, individu perlu memenuhi beberapa syarat. Pertama, laporan mesti dibuat kepada agensi penguatkuasaan yang sah seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau agensi kerajaan lain yang berkaitan. Kedua, laporan tersebut perlu dibuat dengan niat baik dan bukannya atas tujuan jahat seperti membalas dendam atau memfitnah.

Satu lagi syarat penting ialah pemberi maklumat tidak boleh terlibat dalam kesalahan yang dilaporkan. Seksyen 11(1) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 jelas menyatakan bahawa perlindungan boleh dibatalkan jika pemberi maklumat tersebut didapati turut terlibat dalam salah laku yang didedahkan.

Ini bagi memastikan integriti pemberi maklumat dan mengelakkan mereka daripada menggunakan status perlindungan sebagai "perisai" untuk melindungi diri mereka sendiri.

**PROSEDUR UNTUK MEMOHON PERLINDUNGAN**

Proses untuk memohon perlindungan pemberi maklumat adalah jelas dan tertib. Individu perlu melapor terus kepada agensi penguatkuasaan kerajaan seperti SPRM. Selepas laporan diterima dan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam akta, pemberi maklumat akan diberikan perlindungan yang dijamin oleh undang-undang.

Antara bentuk perlindungan yang disediakan termasuklah:

**Kerahsiaan Identiti:** Identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dan tidak akan didedahkan kepada pihak lain termasuk semasa prosiding mahkamah.

**Imuniti Undang-Undang:** Pemberi maklumat dilindungi daripada tindakan sivil, jenayah atau tatatertib berkaitan laporan yang dibuat.

**Perlindungan Terhadap Tindakan Balas:** Sebarang tindakan balas seperti pemecatan, diskriminasi, atau intimidasi akibat laporan tersebut adalah dilarang sama sekali.

**Perlindungan kepada Individu Berkaitan:** Selain pemberi maklumat, perlindungan turut diberikan kepada ahli keluarga atau individu yang mempunyai kaitan rapat dengan pemberi maklumat, jika mereka menghadapi risiko akibat pendedahan tersebut.

**TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT**

Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita juga perlu memahami peranan dan tanggungjawab melaporkan jenayah rasuah. Seksyen 25 Akta SPRM 2009 menetapkan bahawa sesiapa yang mengetahui tentang pemberian, penerimaan atau tawaran rasuah tetapi gagal melaporkannya boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Ini bermakna tanggungjawab melaporkan rasuah bukan hanya terletak pada pemberi maklumat, tetapi juga kepada sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan mengenainya. Masyarakat perlu memainkan peranan aktif dalam melaporkan jenayah rasuah untuk memastikan integriti dan akauntabiliti terus terpelihara.

**CABARAN YANG DIHADAPI**

Walaupun undang-undang sudah tersedia, pemberi maklumat sering menghadapi cabaran dalam menegakkan kebenaran. Antaranya ialah pemberi maklumat sering dilabel sebagai "pengadu" atau "pengkhianat", khususnya jika kesalahan melibatkan majikan atau organisasi tempat mereka bekerja.

Selain itu, walaupun perlindungan undang-undang diberikan, masih wujud kebimbangan mengenai ancaman atau diskriminasi yang boleh mereka hadapi secara langsung atau tidak langsung. Malah, masih ramai yang tidak memahami prosedur undang-undang untuk menjadi pemberi maklumat dan bagaimana mereka boleh memohon perlindungan secara sah.

**KEPENTINGAN UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN**

Undang-undang perlindungan pemberi maklumat adalah salah satu alat penting dalam usaha membanteras rasuah dan salah laku di negara ini. Ia memberi keyakinan kepada individu untuk tampil mendedahkan maklumat tanpa rasa takut akan tindakan balas. Selain itu, ia juga membantu memastikan maklumat yang disampaikan adalah sah dan boleh digunakan dalam proses siasatan dan perundangan.

Kesedaran mengenai peranan, tanggungjawab dan perlindungan pemberi maklumat perlu ditingkatkan dalam masyarakat. Salah faham bahawa sesiapa sahaja boleh memohon perlindungan tanpa memenuhi syarat yang ditetapkan perlu diperbetulkan agar undang-undang ini tidak disalah guna.

Sebagai rakyat yang prihatin, kita perlu memahami bahawa pemberi maklumat memainkan peranan penting dalam mendedahkan salah laku dan memastikan integriti institusi terus terjaga. Sokongan kepada mereka harus diberikan melalui pemahaman yang betul mengenai prosedur perlindungan serta usaha kolektif untuk menggalakkan keberanian dalam melaporkan jenayah.

Dengan adanya undang-undang yang kukuh dan masyarakat yang sedar akan tanggungjawab mereka, usaha membanteras rasuah di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

DATUK Zainul Darus ialah Pengarah Bahagian Perisikan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 25 NOV 2024

# 'More graft cases uncovered due to aggressive enforcement'

**KUALA LUMPUR:** Corruption cases appear to be on the rise because the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) has been aggressively dealing with graft and integrity issues.

EAIC chairman Tan Sri Dr Ismail Bakar said the apparent rise in corruption and integrity cases did not mean a deterioration in ethics. Instead it reflected the government's rooting out misconduct at all levels, he added.

"Our efforts have led to an increase in the number of cases uncovered. We are discovering new cases. Integrity issues don't always involve corruption. Abuse of power is poor integrity, too.

"This increase is due to the government's commitment to eradicate corruption.

"Our measures have allowed us to discover and address more cases that may have gone unnoticed."

He said this when asked to comment on the level of civil servants' integrity in the past two years at the Madani government's second anniversary event here yesterday.

On the use of artificial intelligence (AI) to address corruption, Ismail said it could help the EAIC formulate action plans.

"AI can be used in predictive planning, helping us make decisions, such as gauging how the public perceives corruption.

"From there, we can formulate plans to address these perceptions.

"Predictive AI gathers information from the public to assess their perception of corruption. If the perception hasn't changed, we will have to implement more robust strategies to raise awareness about corruption."

He said previously, this relied on surveys or field studies, but AI made it easier to gather data.

He said human intelligence was still essential to process and interpret the data from AI.

"We must remember that incorrect data will lead to incorrect conclusions."

On investigations, he said the commission was still in the planning stages of incorporating AI in the decision-making process.

"We're not relying solely on AI for our investigations.

"Human factors are still necessary and will continue to play a key role."

He said AI could be used to identify patterns, such as profiling suspects or examining behavioural patterns.

"However, this is just one of the tools in our investigative approach."

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 25 NOV 2024

# 'Four-and-half-day work plan hinges on rationale'

Sun 25/11

**KOTA TINGGI:** Johor's proposal to implement a four-and-a-half-day work week hinges on the state government's rationale, said Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said.

She said the state government must have valid reasons for the proposal, but declined to elaborate further, citing a lack of details on the plan.

However, the Pengerang MP expressed her personal view that technological advancements and rapid development have transformed traditional working norms.

"Nowadays, no one strictly works eight hours a day. Many people work beyond that because of technology, like smartphones, enabling work outside standard hours," she said, adding that work hours often depend on the nature of a profession.

"Certain jobs demand more than eight to 10 hours a day, while some can be performed remotely. As we head into 2025, we must adopt a more open-minded approach, especially with technology evolving so rapidly," she said after a community dinner in Pengerang on Saturday night.

Last Thursday, Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi announced that the state is studying a four-and-a-half-day work week for the public sector, following the move to revert state weekend holidays to Saturday and Sunday starting Jan 1, 2025.

Onn Hafiz said the government is actively improving productivity and service delivery, including standardising operating hours for service counters across state and federal government offices as well as local authorities.

In 2022, a pilot study in the United Kingdom involving 61 organisations tested a four-day work week. Results showed significant benefits, including a 71% reduction in employee burnout.

According to the Chartered Management Institute, 89% of participating organisations continued with the shorter work week after the six-month trial, with some reporting revenue growth of up to 34%. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 25 NOV 2024

# ‘*Madani* govt policies boost public, investor confidence’

**Reforms visible in governance, political, economic, cybersecurity and social spheres, say analysts**

**KUALA LUMPUR:** Having led the nation for just two years, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's government might still be "green", but reforms are already visible, particularly in the governance, political, economic and social spheres, said political analyst Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed.

Citing corruption, he said the government has prioritised the issue.

"Regardless of whether they are from the elite group or are civil servants or ordinary persons, if found to be involved (in corrupt activities), they will be brought to justice without double standards."

Ahmad Martadha said the fight against corruption boosts public trust in the government and enhances confidence among foreign investors.

According to the 2023 Corruption Perceptions Index released by Transparency International Malaysia in January, Malaysia scored 50 points in 2023, an improvement from 47 points the previous year.

He said another significant improvement was the reduction in political appointments within government agencies, boards and NGOs, which enhanced governance and minimised political interference in administrative matters.

He added that the government introduced various forms of assistance to alleviate the rising cost of living and ensure that only genuinely deserving groups, particularly the B40 segment, benefit from them.

"It is also reviewing the definition of the T15 income group, considering that the current threshold of approximately RM13,000, as set by the Statistics Department, is deemed too low."

Malaysia Cyber Consumers Association (MCCA) president Siraj Jalil said the government is actively implementing improvements to address cybersecurity challenges.

He said among these efforts is the amendment to the Personal Data Protection Act 2010 to strengthen the protection of Malaysians' data.

He added that the *Jelajah Anti Scam Kebangsaan 2024* programme, spearheaded by CyberSecurity Malaysia and supported by NGOs such as MCCA and Yayasan Digital Malaysia, is being conducted in states like Johor and Kedah to raise public awareness about online scams and preventive measures.

"The government has also enacted the Cybersecurity Act 2024 under the National Cyber Security Agency. This Act, which came into force on Aug 26, aims to enhance the nation's cybersecurity."

According to a MyCERT report, there was a 13% rise in cybersecurity incidents in the first quarter of 2023, compared with the fourth quarter of 2022, Bernama reported.

Global cybersecurity firm Kaspersky reported that in 2023, its tracking system blocked 26.85 million "internet-borne" attacks in Malaysia, averaging 74,000 attacks per day.

Communications Minister Fahmi Fadzil had previously said the Online Security Bill was being introduced to address gaps or lacunae in the law, particularly the lack of a precise definition of crimes such as bullying, including cyberbullying.

National Organisation of Skilled Workers president Mohammad Rizan Hassan said technical and vocational education and training (TVET) in Malaysia has experienced positive growth over the past two years.

He said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, in his capacity as National TVET Council chairman, is committed to shaping the TVET landscape.

"Collaboration with industry partners has provided students with real-world experiences, ensuring they are well-prepared for the job market.

"The emphasis on practical skills and hands-on training has boosted the employability of TVET graduates, leading to greater demand for skilled workers across various sectors," Mohammad Rizan said.

THE SUN
Tarikh: 25 NOV 2024